

Umur persaraan wajib kakitangan kerajaan dikekalkan 55 tahun

KUALA LUMPUR 11 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umur persaraan wajib kakitangan kerajaan akan dikekalkan pada 55 tahun walaupun ramai yang berpendapat ia patut dinaikkan kepada 60 tahun.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan menyambungkan tugas atau menawarkan jawatan tertentu kepada mana-mana kakitangan yang berkebolehan.

"Setelah kita kaji umur bersara ini, mungkin akan rugi kalau kita naikkan kepada 60 tahun kerana kadang-kadang terdapat banyak 'kayu mati'.

"Kalau umur bersara 60 tahun, orang inilah yang tunggu sampai 60, yang cekap nak bersara lebih awal, terutama sekali pihak swasta menawarkan banyak jawatan

dengan gaji yang lebih," katanya ketika berucap di Malam Sekalung Budi Sejuta Kenangan di sini malam ini.

Majlis itu diadakan sempena meraikan persaraan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Zainol Mahmood yang mula bersara 16 April ini.

Dr. Mahathir memberitahu, mana-mana kakitangan kerajaan yang diambil semula bekerja apabila mereka sampai umur persaraan akan memperoleh lebih banyak ganjaran daripada sebelumnya termasuk pencen yang dikecualikan daripada cukai dan mendapat gaji yang sama seperti semasa sebelum bersara.

Di majlis itu, beliau juga mengumumkan perantikan Zainol sebagai Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia.

Katanya, Zainol merupakan salah seorang daripada pegawai kerajaan yang telah banyak mencapai kejayaan dalam tugasnya tanpa banyak masalah.

Antara kejayaan itu, kata Perdana Menteri, beliau dapat menyelesaikan tugas dengan diplomasi tanpa menyakiti mana-mana pihak, termasuk wakil-wakil rakyat.

"Diplomasi amat penting bagi seseorang pegawai kerajaan yang sering berurusan dengan ahli politik yang biasanya menganggap mereka berkualiti," katanya sambil menambah bahawa sebagai pegawai kerajaan, banyak liku-liku yang perlu dilalui.

Sementara itu, Zainol dalam ucapannya, berkata, pegawai-pegawai kerajaan di negara ini masih jauh ke belakang dari

segi penggunaan tenaga serta kebolehan mereka.

Beliau berpendapat, lebih 30 peratus tenaga serta kebolehan para pegawai masih belum digunakan lagi.

"Kalau kita menggunakan sepenuhnya tenaga, kebolehan dan kepakaran sendiri, kita mungkin dapat mencapai matlamat Wawasan 2020 sepuluh tahun lebih awal," katanya.

Zainol yang dilahirkan 55 tahun lalu di Kangar, Perlis pernah menjawat beberapa jawatan penting sebelum ini, antaranya, Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Selangor dan Rawang, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.